

Rundingan ikut lunas perundangan, sejarah serta persetujuan Sabah

Kerajaan akan terus pertahan hak, kedaulatan negeri daripada pencerobohan

Oleh Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan bahawa sebarang keputusan berkaitan isu Laut Sulawesi akan dibuat berdasarkan lunas perundangan, fakta sejarah serta mendapat persetujuan penuh daripada kerajaan negeri Sabah.

Perdana Menteri menegaskan, rundingan yang diadakan tidak akan meminggirkan kepentingan Sabah dan sebarang ketetapan hanya akan dimuktamadkan selepas mendapat persetujuan kerajaan negeri serta kelulusan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah.

Beliau berkata, perbincangan secara dua hala dengan Presiden Indonesia, Prabowo Subianto berhubung isu Laut Sulawesi yang diadakan pada Mesyuarat Rundingan Tahunan Malaysia-Indonesia di Jakarta, baru-baru ini memabitkan pe-

nyertaan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"Saya tanya, dulu dalam perundingan-perundingan antara-bangsa, ada Perdana Menteri panggil ketua-ketua negeri untuk bincang bersama? Ini kita lakukan dalam Kerajaan MADANI kerana untuk memutuskan (segala perkara berkaitan) sempadan, mesti memabitkan kerajaan-kerajaan negeri termasuk kerajaan negeri Sabah.

"Sebab itu saya fikir lebih baik Ketua Menteri (Hajiji) dengar sendiri (dalam perbincangan), kemukakan pandangan dan apa yang dibicarakan.

"Dibincangkan soal (berkaitan) Laut Sulawesi dan beritahu depan Hajiji, kita kena bincang ikut undang-undang, ikut Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang - Laut (UNCLOS) 1982, ikut sejarah dan mesti dipersetujui oleh kerajaan negeri Sabah dan akhirnya DUN.

"Itu yang kita putuskan, diadapkan dengan syarat rasmi. Bukan celoteh-celoteh, tipu-tipu di bawah ini," katanya ketika merasmikan penutupan Majlis Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), di sini, semalam.

Lindungi Sabah

Sementara itu, Anwar berkata, Kerajaan Persekutuan bertekad untuk terus mempertahankan dan melindungi sepenuhnya hak Sabah kerana negeri itu adalah sebahagian daripada Malaysia.

Beliau menegaskan, Kerajaan Persekutuan juga akan terus melindungi kedaulatan Sabah daripada sebarang bentuk pencerobohan sama ada di darat mahupun di laut.

"Kita pertahankan hak negeri

Sabah, satu inci (tanah negeri Sabah) pun tidak kita akan korbankan. Ini negara kita, tahu kita bergelut, kita belanja puluhan juta ringgit.. mungkin mencecah RM100 juta .. satu dunia pertahankan hak Sabah. Tak bemarkan satu inci pun laut atau darat diceroboh atau ditutup oleh sesiapa.

"Di Mahkamah Sepanyol (berkaitan isu tuntutan Sulu), kita lawan (secara maksimum) untuk pertahankan hak Sabah. Kerana hubungan kita Persekutuan de-

ngan Sabah... Sabah sebahagian dari Malaysia. Mengapa kita lakukan ini? Kerana ini negara kita.

"Begitu juga kalau luar sempadan dengan Indonesia. Tapi saya pilih kita berunding dengan sahabat. Bukanlah kita menyerah tapi kita berunding secara baik," katanya.

Anwar berkata, Kerajaan MADANI juga komited memacu pembangunan Sabah serta menyelesaikan tuntutan di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) menerusi pelbagai inisiatif dan peruntukan, selain menekankan kepentingan terus memelihara hubungan erat antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, antara tuntutan yang diselesaikan termasuk pemberian khas interim untuk Sabah yang dinaikkan daripada RM300 juta kepada RM600 juta tahun ini dan peruntukan RM10 bilion bagi menyiapkan projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah.

"Tertanggung (Lebu Raya Pan Borneo Sabah) dengan kerajaan sebelum ini tetapi kita teruskan bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Mungkin mereka belum nampak, belum siap (Lebu Raya Pan Borneo Sabah) tapi sekurang-kurangnya kita dah luluskan dan pakej kerja berjalan," katanya.

Thailand, Kemboja pilih Malaysia kerana politik, ekonomi stabil

Kota Kinabalu: Thailand dan Kemboja memilih Malaysia sebagai lokasi rundingan damai kerana keyakinan terhadap kestabilan politik serta kemajuan ekonomi negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar berkata, sebagai negara sahabat, Malaysia berbangga dapat membantu menyelesaikan konflik antara kedua-dua negara Asia Tenggara itu, sekali gus memastikan rantau ini terus aman dan stabil.

"Kita bangga sebagai negara sahabat, kejayaan Malaysia me-

nyelesaikan perang antara dua negara. Bayangkan, mereka setuju di Kuala Lumpur. Kali pertama kita dapat damai peperangan dua negara di Kuala Lumpur," katanya.

Anwar berkata, Menteri Pertahanan Kemboja, Jeneral Tea Seiha dan Pemangku Menteri Pertahanan Thailand, Jeneral Natthaphon Narkphanit, dijangka tiba di Kuala Lumpur hari ini bagi mengadakan perbincangan terperinci dalam usaha mencari penyelesaian konflik yang melanda kedua-dua negara itu.

BERNAMA